



## LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR



### JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur antara 30 tahun hingga 50 tahun pada tarikh tutup iklan bagi mengisi kekosongan jawatan-jawatan seperti berikut di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

BIL	JAWATAN	KEKOSONGAN
A.	JURUTERA RESIDEN	1
B.	KERANI TAPAK (MEKANIKAL & ELEKTRIKAL)	1
C.	KERANI TAPAK (SENI BINA)	1

### KLASIFIKASI PERKHIDMATAN

- A. NAMA JAWATAN : JURUTERA RESIDEN  
 GAJI : RM15,000.00  
 ELAUN KOMUNIKASI : RM200.00

**SYARAT LANTIKAN:**

Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**SKOP KERJA :**

- Menyelia semua aktiviti-aktiviti projek serta memastikan pematuhan kepada semua pelan dan spesifikasi.
- Mengenal pasti segala kesilapan dalam rancangan juga memastikan kerja personal binaan yang optimum.
- Menyediakan laporan teknikal mingguan kepada LPHS serta perkembangan semasa di tapak bina kepada pegawai dan kakitangan LPHS.
- Menghadiri mesyuarat tapak bina, mesyuarat jawatankuasa dan lain-lain bentuk mesyuarat.
- Keutamaan diberikan kepada yang mempunyai pengalaman pengurusan projek perumahan atau yang mempunyai 10 tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan dengan jawatan diatas.

**B. NAMA JAWATAN : KERANI TAPAK (MEKANIKAL & ELEKTRIKAL)****GAJI : RM7,500.00****ELAUN KOMUNIKASI : RM200.00****SYARAT LANTIKAN:**

Diploma Kejuruteraan Mekanikal & Elektrikal yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**SKOP KERJA :**

- Memastikan pemasangan, piawai mekanikal, elektrik dan pembinaan dipatuhi di tapak bina.
- Pemantauan piawaian kerja, menggalakkan amalan terbaik, kesihatan dan keselamatan di tapak bina dan pengurusan risiko.
- Bekerjasama antara kontraktor, pemaju projek, perunding pengurus projek untuk memastikan kelancaran projek di tapak bina.
- Memberi nasihat teknikal untuk menyelesaikan masalah serta-merta di tapak bina dalam bidang mekanikal dan elektrikal bagi mengekalkan piawaian dan spesifikasi kerja keseluruhan projek.
- **Keutamaan diberikan kepada yang mempunyai pengalaman dalam skop Mekanikal Dan Elektrikal atau yang mempunyai 5 tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan dengan jawatan diatas.**

**C. NAMA JAWATAN : KERANI TAPAK (SENI BINA)****GAJI : RM7,500.00****ELAUN KOMUNIKASI : RM200.00****SYARAT LANTIKAN:**

Diploma Seni Bina yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**SKOP KERJA :**

- Memastikan pemasangan, piawai seni bina dan pembinaan dipatuhi di tapak bina.
- Pemantauan piawaian kerja, menggalakkan amalan terbaik, kesihatan dan keselamatan di tapak bina dan pengurusan risiko.
- Bekerjasama antara kontraktor, pemaju projek, perunding pengurus projek untuk memastikan kelancaran projek di tapak bina.
- Memberi nasihat teknikal untuk menyelesaikan masalah serta-merta di tapak bina dalam bidang seni bina bagi mengekalkan piawaian dan spesifikasi kerja keseluruhan projek.
- **Keutamaan diberikan kepada yang mempunyai pengalaman dalam skop seni bina atau yang mempunyai 5 tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan dengan jawatan diatas.**

**TARAF JAWATAN**

***Contract For Services***

**SYARAT-SYARAT LANTIKAN/PERMOHONAN**

- I. Warganegara Malaysia
- II. Berumur tidak kurang 30 tahun hingga 50 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- III. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan 'resume' yang mengandungi keterangan lengkap mengenai peribadi, kelayakan pengalaman, sekeping gambar berukuran passport, salinan kad pengenalan, salinan sijil kelahiran dan sijil-sijil akademik berkaitan yang telah disahkan.
- IV. Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing dan perlu disertakan bersama Rekod Perkhidmatan yang dikemas kini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini.
- V. Borang Permohonan yang tidak lengkap diisi akan ditolak.
- VI. Permohonan yang lewat diterima tidak akan dilayan.
- VII. Hanya calon-calon yang layak selepas disenarai pendek sahaja akan dihubungi untuk sesi temu duga.
- VIII. Pemohon-pemohon hendaklah mencatatkan jawatan yang dipohon di sebelah kiri bahagian atas sampul surat.
- IX. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

**PERMOHONAN**

Borang (LPHS 01/PSM) boleh didapati secara percuma di kaunter LPHS atau laman web <http://lphs.selangor.gov.my>. Permohonan hendaklah dihantar kepada :-

**PENGARAH EKSEKUTIF  
LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR  
TINGKAT 5, PODIUM UTARA, BANGUNAN SSAAS  
40503 SHAH ALAM.**

Tarikh Tutup Permohonan adalah pada **30 JANUARI 2015**